

TICLODINE TABLET

Ticlopidine hydrochloride (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ticlodine
2. Bagaimana Ticlodine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ticlodine
4. Cara menggunakan Ticlodine
5. Semasa menggunakan Ticlodine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ticlodine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ticlodine

Ticlopidine digunakan untuk:

- pengekalan *by-pass graft* jantung
- pengendalian hemodialisis jangka panjang di kalangan pesakit kegagalan buah pinggang
- mengurangkan risiko strok (sama ada jenis yang menyebabkan kematian atau tidak) pada pesakit yang telah mengalami tanda-tanda amaran strok.
- pesakit yang pernah mengalami strok

Ticlopidine hanya digunakan di kalangan pesakit yang tidak boleh mengambil ubat aspirin kerana Ticlodine boleh menyebabkan pengurangan neutrofil atau sel darah putih.

Bagaimana Ticlodine berfungsi

Tablet Ticlodine mengandungi ticlopidine yang membantu mencegah pembentukan darah beku. Ticlopidine adalah dalam kumpulan ubat yang dinamakan called *platelet aggregation inhibitors*. Kumpulan ubat ini mengurangkan keupayaan sel pembeku darah (platelets) melekat antara satu sama lain dan pada dinding saluran darah. Ini mengurangkan kejadian pembekuan darah pada tempat yang tidak diingini seperti saluran darah yang sempit.

Sebelum menggunakan Ticlodine

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan Ticlodine jika anda mempunyai keadaan seperti di bawah:
- alergi kepada ticlopidine atau bahan-bahan tidak aktif yang tersenarai di penghujung risalah ini.
- gangguan darah seperti kandungan sel darah putih rendah, tiada sel darah putih atau kandungan platelet rendah.

- masalah pendarahan seperti ulser gastrik atau pendarahan dalam kepala (pendarahaan *intracranial*).

- Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor jika anda:

- mempunyai masalah pendarahan
- telah atau sedang mengambil ubat yang cairkan darah seperti heparin
- akan menjalani pembedahan sebab rawatan perlu dihentikan sekurang-kurangnya 10-14 hari sebelum pembedahan
- mempunyai masalah ginjal dan hati

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Ubat anti-radang bukan steroid, ubat anti-beku darah, heparin dan ubat salisilik – risiko pendarahan.
- Theophylline – penggunaan bersama boleh mengakibatkan peningkatan kepekatan ubat theophylline dalam darah.
- Digoxin - ticlopidine mengurangkan paras digoxin dalam darah.
- Antasid – mengurangkan kepekatan ticlopidine dalam darah. Kedua-dua ubat perlu diberi berasingan sekurang-kurangnya selang 1-2 jam.
- Cimetidine – mengurangkan perkumuhan ticlopidine dari badan.
- Phenytoin – terdapat beberapa kes peningkatan paras phenytoin dengan tanda pening dan keletihan bila digunakan bersama. Paras phenytoin dalam darah perlu dimonitor jika makan bersama ticlopidine.
- Propranolol – berhati-hati apabila digunakan bersama dengan ticlopidine.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Ticlodine

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1-2 tablet setiap hari, sebaik sahaja selepas makan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ambil Ticlodine mengikut arahan doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Ticlodine selagi

doktor anda mengarahkan.

- Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perubatan segera.

Semasa menggunakan Ticlodine

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ticlodine.

Beritahu doctor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti atau mengubah dos Ticlodine tanpa berbincang dengan doktor anda dahulu..

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau mengendalikan jentera sehingga kesan Ticlodine ke atas anda diketahui.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Ticlodine boleh menyebabkan kesan sampingan. Laporkan kepada doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan termasuk yang tidak disenaraikan di bawah dan ianya membimbangkan anda:

- Gangguan gastrousus dan ruam kulit adalah kesan yang paling biasa dilaporkan.
- Keadaan pendarahan secara luar biasa dan gangguan pendarahan.
- Masalah hati.
- Kepekatan lemak darah bertambah dalam rawatan jangka panjang.
- Pengurangan sel darah putih dan agen anti-beku berlaku dalam sebilangan pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

TICLODINE TABLET

Ticlopidine hydrochloride (250mg)

portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Ticloidine

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dibuang melalui sisa air atau sampah rumah. Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih berbentuk bulat, dwicembung dan bersalut.

- Bahan-bahan kandungan

- *bahan aktif*: ticlopidine hydrochloride

- *bahan tidak aktif*: laktos, *microcrystalline cellulose*, silikon dioksida, asid sitrik, asid stearik, *magnesium stearate*, *hydroxypropyl methylcellulose*, air, talkum, *alcohol titanium dioksida*, *carb Wax*, *simethicone dan polivinylpyrrolidone*

- Nombor MAL

MAL20000080A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1

Taman Perindustrian Bukit Tengah

14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,

Malaysia.

Tarikh kemaskini

23/04/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)230415/00078